



PARLIMEN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

BERSAMA OLEH

**YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA DAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

Kami sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menjunjung kasih kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan Baginda Tuanku mengadakan majlis menghadap semalam yang turut dihadiri oleh Timbalan-timbalan Yang di-Pertua kedua-dua Dewan.

Pada majlis tersebut, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menzahirkan titah pandangan bahawa persidangan Parlimen perlu diadakan sebelum 1 Ogos 2021.

Kedua-dua Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat menjunjung titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan **telah menyatakan komitmen dan kesediaan penuh Parlimen Malaysia untuk mengadakan persidangan Parlimen seperti yang dititahkan oleh Baginda Tuanku.**

Titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada majlis menghadap tersebut juga telah dimaklumkan kepada YAB Perdana Menteri dan adalah dicadangkan kepada YAB Perdana Menteri agar **satu persidangan khas diadakan sebelum 1 Ogos 2021** mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang sedia-ada.

Sekian, terima kasih.

**SENATOR TAN SRI DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM**

Yang di-Pertua Dewan Negara

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

30 Jun 2021  
Parlimen Malaysia  
KUALA LUMPUR